

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Jurnal Ilmiah di Malaysia

Penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia dianggap masih muda. Tanpa mengambil kira beberapa jurnal yang telah lama diterbitkan oleh pegawai kolonial sejak kira-kira 75 tahun lalu, kebanyakannya jurnal ilmiah di Malaysia berusia antara 15 hingga 30 tahun sahaja. Jurnal paling awal diterbitkan ialah *Malayan Nature Journal*, iaitu diterbitkan pada tahun 1925. Ini diikuti dengan penerbitan *Journal of Natural Rubber Research* dan *Journal of the Institute for Medical Research* (Sumangala 1997).

Walau bagaimanapun lebih awal daripada itu iaitu, pada 1878 The Society menerbitkan *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* di Singapura. Kemudian antara 1878-1922 badan yang sama menerbitkan *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. Jurnal ini kemudian dikenali sebagai *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic*. Selepas itu jurnal ini bertukar nama menjadi *Journal of the Malayan Branch of the Asiatic Society* dan diterbitkan pula oleh Royal Asiatic Society of Great Britain and Ireland, Malayan Branch (1923-1965) dan dicetak oleh Methodist Publishing House yang lebih dikenali sebagai MPH.

Kajian yang dilakukan di Malaysia melaporkan terdapat kesemuanya 335 judul jurnal termasuk surat berita, majalah fesyen, buletin, brosur dan jurnal ilmiah (Tay 1989). Tetapi menurut Kalsom dan Zakiah (1989), terdapat cuma 149 judul jurnal ilmiah di Malaysia. Sumangala (1997) pula mengambil kira hanya antara 80 hingga 90 judul yang dikategorikannya sebagai jurnal ilmiah, iaitu yang diterbitkan oleh beberapa kumpulan

sarjana, persatuan profesional dan universiti. Menurut beliau lagi, daripada 149 judul yang disenaraikan oleh Kalsom dan Zakiah, cuma 38% diterbitkan oleh universiti, dan 38% oleh persatuan. Data di Penerbit UKM pula merekodkan 170 judul jurnal ilmiah di Malaysia, termasuk yang sudah berkubur (Hasrom 1997). Berdasarkan keterangan di atas bolehlah dikatakan bahawa jumlah jurnal ilmiah di Malaysia kini berada di sekitar 150 judul. Lihat Lampiran II.

Penerbitan jurnal ilmiah bercetak di Malaysia bergelumang dengan pelbagai masalah seperti tidak diwasit, penerbitannya lewat, tidak khusus kepada sesuatu bidang, tidak diterbitkan secara profesional, tidak tersebar luas, tidak diindeks dan tidak diabstrak. Akibatnya, kebanyakan jurnal di Malaysia tidak dapat dikesan di peringkat antarabangsa (Zainab 1997).

1.2 Persoalan Kajian

Dengan kemunculan Internet, suatu medan baru komunikasi dan perbahasan ditawarkan kepada masyarakat dunia terutama bagi kalangan sarjana. Ahli akademik dapat menggunakan medium baru ini bagi melaporkan setiap penemuan dalam bidang masing-masing, sama seperti mana yang dilakukan selama ini dalam medium percetakan. Di Internet, amalan pewasitan, penyemakan dan penyuntingan masih kekal bahkan dipermudah dan dipercepatkan kerana proses-proses dalam amalan percetakan biasa telah ditinggal. Penerbitan di Internet tidak melibatkan proses pembikinan filem, pembuatan *plate*, percetakan, penjilidan, pembungkusan dan penghantaran yang semua langkah ini memakan masa dan melibatkan kos yang tinggi. Pelbagai enjin pencarian yang sedia ada di Internet membantu mempercepat pencarian sesebuah jurnal dari merata dunia. Oleh itu suatu kajian perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana Internet dapat menjadi alternatif kepada penerbitan konvensional.

Sejak tahun 70-an sarjana di Barat telah mula membina e-jurnal berasaskan kemudahan yang ada, dengan disket dan kemudian menggunakan CD-ROM sebelum maju ke tahap pada hari

ini iaitu e-jurnal di dalam talian atau Web. Kini terdapat ribuan e-jurnal ilmiah di Internet. Sudah banyak dibincangkan akan buruk baik e-jurnal ilmiah kepada masyarakat sarjana (Corpakis 1997, Ginsparc 1997, Harnad 1995 dan Harter 1996).

Akan tetapi belum banyak kajian dilakukan tentang hal yang sama di negara ini. Maka kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan iaitu bagi memastikan jumlah sebenar jurnal ilmiah elektronik yang diterbitkan di negara ini sekarang. Kajian ini juga cuba mengenal pasti kumpulan yang terlibat dalam menerbitkan sesebuah e-jurnal ilmiah. Lebih lanjut lagi kajian ini cuba mengenal pasti judul dan bidang jurnal-jurnal elektronik negara ini yang telah diterbitkan di Internet. Kajian ini juga cuba mengenal pasti e-jurnal ilmiah di seluruh dunia yang sudah menjadi medium komunikasi ilmiah bagi sarjana negara ini. Apakah bidang keutamaan mereka?

Kajian ini ditumpukan ke arah membuktikan dua hipotesis. Pertama; e-jurnal ilmiah di negara ini belum tumbuh dengan banyak berbanding e-jurnal bukan ilmiah, berbanding p-jurnal ilmiah dan, berbanding e-jurnal ilmiah di seluruh dunia. Kedua; jurnal ilmiah elektronik sudah diterima di kalangan ahli akademik di negara ini.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini juga cuba memeriksa status penerbitan jurnal ilmiah elektronik di Malaysia dan penerimaan ahli akademik di negara ini terhadap e-jurnal ilmiah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk;

- i) memastikan jumlah sebenar jurnal ilmiah elektronik yang diterbitkan di negara ini sekarang.
- ii) mengenal pasti kumpulan yang terlibat dalam menerbitkan e-jurnal ilmiah.
- iii) mengenal pasti judul dan bidang jurnal-jurnal elektronik negara ini yang telah diterbitkan di Internet.
- iv) mengenal pasti e-jurnal ilmiah di seluruh dunia yang sudah menjadi medium komunikasi ilmiah bagi sarjana negara ini.

Kesemua kajian ini melibatkan kajian kepustakaan, pencarian di Internet dan soal selidik dilakukan antara 20 Januari hingga 12 April 2000. Kajian ini penting, terutamanya kepada pentadbir universiti, penerbit universiti dan editor, perpustakaan dan pustakawan serta penjual buku. Kepentingan kajian ini boleh dilihat daripada beberapa sudut.:

Pertama, kajian ini dapat mendedahkan status e-jurnal ilmiah yang terdapat di Internet. Dengan status tersebut pentadbir universiti dapat membuat keputusan sama ada mahu menerbitkan jurnal ilmiah secara elektronik atau konvensional.

Kedua, membantu pentadbiran universiti dan pustakawan membuat keputusan sama ada mereka patut terus menerbitkan atau melanggan jurnal konvensional atau bertukar kepada e-jurnal.

Ketiga, mendedahkan sikap ahli akademik di Malaysia terhadap e-jurnal ilmiah. Dengan itu ia dapat membantu pentadbir universiti menentukan sama ada e-jurnal ilmiah boleh menjadi alternatif kepada jurnal konvensional.

Keempat, membina korpus ilmu dalam bidang penerbitan elektronik yang masih berada di peringkat awal di negara ini.

1.4 Definisi

Beberapa istilah yang secara khusus digunakan di dalam kajian ini perlu diperjelaskan maknanya:-

1.4.1 Jurnal Ilmiah

Jurnal ilmiah itu ialah penerbitan yang memenuhi ciri-ciri berikut sebagai mana yang digariskan oleh Penerbit UKM (1998), *CBE Style Manual* (1983), *The Chicago Manual of Style* (1993), Meave O'connor (1986).

- memuatkan makalah yang melaporkan ilmu dan maklumat yang baru yang belum pernah diterbitkan sebelumnya,

- makalah disokong dengan hujahan, tafsiran serta tidak dikelirukan oleh spekulasi
- makalah dalam sebuah jurnal ilmiah mestilah seragam dalam skop tulisan, mahupun bidang pengetahuan yang dirangkuminya.
- makalah mesti merujuk kajian terdahulu yang berkaitan dengan penyelidikan tersebut.
- hasil tulisan dapat dibaca dan diperolehi sarjana lain yang berminat.

Oleh itu makalah mestilah diterbitkan dalam jurnal sebagai sebahagian daripada penulisan terbuka yang boleh dimiliki melalui langganan perpustakaan atau langganan persendirian.

1.4.2 Jurnal Ilmiah Elektronik

E-jurnal ilmiah adalah penerbitan yang dapat memenuhi ciri-ciri jurnal ilmiah seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 1.4.1 iaitu: diterbitkan secara on-line di Internet dan juga dapat dicapai pengguna dengan membaca teks penuhnya sama ada dengan membuat bayaran atau secara percuma. Pengguna dapat pula menyalin dan mencetak sesuatu makalah dalam e-jurnal ilmiah untuk kegunaanya atau untuk orang lain, serta dapat pula mengubahnya ke pelbagai bentuk elektronik yang lain dan menghantar teks yang berkenaan kepada pengguna lain melalui pelbagai kaedah penghantaran elektronik seperti e-mail. Secara lebih khusus e-jurnal kini dapatlah di katakan mempunyai bentuk umum seperti berikut (Harrassowitz 1999):

- (i) dapat disampaikan secara destop
- (ii) dapat dibaca lebih daripada seorang pada seseuatu masa
- (iii) pencarian sesuatu perkara atau kata kunci dapat dilakukan ke atas teksnya
- (iv) muncul dalam bentuk multimedia dan grafik, dalam warna, dan murah
- (v) lebih pantas diterbitkan berbanding p-jurnal
- (vi) Jika dalam WWW, dapat mewujudkan *hyperlinks*, dalam penerbitan yang

sama atau dengan penerbitan lain. Pembaca dapat terus ke bahan lain yang dirujuk dan ke bahan lain yang terbit kemudian tetapi menggunakan bahan yang sedang dibaca.

- (vii) dengan membaca indeks atau abstrak pembaca dapat terus menuju ke makalah berkenaan dengan hanya menekan judul berkenaan yang telah diaktifkan
- (viii) kandungannya dapat disalin, dikirimkan kepada seseorang, diubah dengan kawalan hak cipta

1.4.3 Ahli Akademik

Ahli akademik ialah tenaga pengajar tempatan yang bertugas di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Malaysia. Mereka terdiri daripada pensyarah, profesor madya dan profesor, serta yang berkelulusan tidak kurang daripada ijazah sarjana.

1.4.4 Perpustakaan Akademik

Perpustakaan ilmiah (atau perpustakaan pengajian tinggi) ialah kemudahan untuk menempatkan pelbagai kemudahan bacaan dan rujukan untuk kegunaan pelajar dan pengajar di sesebuah universiti.

1.4.5 Sains sosial

Bagi kajian ini sains sosial (SS) meliputi juga bidang kemanusiaan dan ini termasuk bidang-bidang dikelompokkan oleh Bellinger (1998) iaitu: sastera, seni bina, kajian budaya, sejarah, antropologi, geografi, komunikasi, linguistik, bahasa, penulisan, muzik, falsafah, pengajian Islam dan agama lain, teater dan filem.

1.4.4 Sains, Teknologi dan Perubatan

Bidang-bidang yang termasuk dalam kelompok ini ialah sains tulen iaitu fizik, kimia, biologi, matematik serta bidang lain yang berkaitan dengannya. Bidang yang dikelompokkan ke dalam teknologi meliputi pelbagai cabang kejuruteraan, komputer dan elektronik. Manakala perubatan meliputi pelbagai cabang perubatan, kedoktoran dan pergigian.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini terbatas kepada IPTA dan IPTS di Malaysia sahaja. Universiti awam yang sasaran kajian ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Universiti swasta yang dijadikan kajian ialah Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Multimedia Malaysia (MMU).

Jurnal ilmiah elektronik yang menjadi tumpuan kajian ini ialah e-jurnal ilmiah yang diterbitkan, berasal dan beroperasi di negara ini.

Bagi tujuan soal selidik, responden adalah ahli akademik warga negara ini, sama ada pensyarah, prof madya atau profesor, yang berkelulusan sarjana ke atas. Tutor, guru bahasa, guru matrikulasi serta pensyarah yang berkelulusan kurang daripada ijazah sarjana terkeluar daripada skop kajian ini. Walau bagaimanapun, hanya mereka yang disenaraikan alamat e-mailnya oleh universiti masing-masing dijadikan subjek kajian.

Laman web yang dikaji hanyalah yang berupa jurnal elektronik yang terbit secara berkala. Oleh itu laman web biasa yang tidak dikemas kini terkeluar daripada kajian ini.

Perpustakaan yang menjadi tumpuan kajian adalah perpustakaan akademik yang bertempat di dalam kampus universiti iaitu Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (PATMA), Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ), Perpustakaan Peringatan Za’ba (PPZ) dan Perpustakaan Universiti Malaya (PUM). Perpustakaan lain walaupun koleksinya mempunyai kaitan dengan bahan ilmiah

tetapi berada di luar universiti dan bukan sebahagian daripada universiti, terkeluar daripada sasaran kajian.

Penerbit yang dikaji adalah penerbit universiti. Penerbit ilmiah lain terutamanya yang berada di institusi penyelidikan tetapi tidak terikat dengan universiti (PORIM, MARDI, FRIM dll.) adalah terkeluar sebagai subjek kajian. Secara khususnya penerbit yang dijadikan kajian ialah Penerbit UKM, Penerbit UM, Penerbit UTM, Penerbit UPM dan Penerbit USM.

1.6 Metodologi

Kajian ini menggunakan dua sumber data iaitu data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada pencarian di Internet, soal selidik melalui e-mail serta analisisnya, dan temu bual dengan responden utama dengan pustakawan, editor dan pegawai universiti. Untuk mendapatkan data sekunder, kajian perpustakaan dilakukan serta diperolehi daripada bahan yang telah diterbitkan melalui laporan, kertas kerja dan buku.

1.6.1 Kajian Kepustakaan

Kajian kepustakaan dilakukan untuk meneliti bahan-bahan yang tersimpan di Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ), Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (PATMA). Bahan-bahan tersebut terdiri daripada buku, monograf, jurnal dan akhbar yang berkaitan dengan bidang kajian.

1.6.2 Pencarian di Internet

Pencarian di Internet dilakukan bagi mendapatkan angka sebenar jurnal ilmiah elektronik yang diterbitkan di negara ini, bagi membuat perbandingan dengan jumlah e-jurnal yang bukan ilmiah yang juga diterbitkan di negara ini. Pencarian juga dilakukan bagi mengetahui jumlah sebenar jurnal ilmiah elektronik yang terdapat di seluruh dunia bagi membandingkannya dengan yang diterbitkan di negara ini.

1.6.3 Soal Selidik

Satu set soal selidik disediakan dan diedarkan kepada ahli akademik untuk mengetahui sikap mereka terhadap e-jurnal ilmiah. Soal selidik disediakan dalam dua bahasa: Melayu dan Inggeris. Lihat Lampiran I.

Soalan dalam soal selidik terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama menyentuh latar belakang responden yang meliputi tahap pendidikan, etnik dan jawatan. Bahagian kedua menyentuh sikap ahli akademik di Malaysia terhadap e-jurnal sebagai medium baru dalam komunikasi ilmiah.

1.6.3.1 Populasi

Populasi bagi kajian ini adalah ahli akademik di negara ini yang berwarganegara Malaysia. Mereka terdiri daripada pensyarah, profesor madya dan profesor, berkelulusan sekurang-kurangnya sarjana dan bertugas di IPTA atau IPTS. Berdasarkan rekod rasmi, terdapat antara 10 hingga 11 ribu ahli akademik di IPTA dan IPTA negara ini. (Hasan 2000). Walau bagaimanapun kajian bukan semua meraka ini termasuk dalam sampel kajian ini. Daripada hampir 3 ribu soal selidik yang dikirimkan, hanya 151 yang menjawab.

1.6.3.2 Persampelan

Sampel diperolehi dengan memasuki homepage setiap universiti. Ahli akademik yang mempunyai alamat e-mail dikenal pasti mengikut bidang. Soal selidik dikirimkan melalui e-mail yang berpangkalan di Hotmail. Kaedah penghantaran melalui e-mail dipilih atas sebab-sebab berikut:

- (i) Menjimatkan perbelanjaan dan masa penghantaran;
- (ii) memudahkan pemantauan ke atas responden terutama dalam mengenal pasti siapa yang membalias dan siapa yang tidak;
- (iii) dapat mengetahui kadar balasan dengan segera dan memudahkan sesuatu

keputusan terhadap soal selidik tambahan sekiranya jumlah balasan didapati sedikit;

- (iv) mengenal pasti kumpulan ahli akademik yang tidak membalas dengan segera.

Pada peringkat pertama, set soal selidik dalam bahasa Melayu dihantar kepada responden. Ini diikuti pada peringkat berikutnya penghantaran set soal selidik dalam bahasa Inggeris setelah dikesan kurangnya sambutan daripada responden bukan Melayu

Set soal selidik kumpulan pertama dalam bahasa Melayu mula dihantar pada bulan Januari 2000, penghantaran kedua soal selidik set bahasa Inggeris bermula pada bulan Mac 2000. Respon terhadap soal selidik diterima dengan serta merta dan berterusan sehingga pertengahan April 2000. Jumlah penghantaran mengikut universiti, jumlah e-mail yang berpatah balik, serta jumlah respondan yang membalas ditunjukkan dalam Jadual 1.

Soal selidik dikirim kepada responden secara berkelompok mengikut fakulti dan universiti. Mereka diminta membalas pada e-mail yang sama. Responden sesebuah universiti menerima soal selidik daripada kotak e-mail yang berbeza daripada yang diterima oleh ahli akademik universiti lain.

Langkah ini dilakukan kerana kotak Hotmail boleh memuatkan jumlah surat yang terbatas. Oleh itu perlu diwujudkan banyak kotak e-mail. Setiap set soal selidik bersaiz 6K, jika dikembalikan saiznya berganda menjadi 12 K. Setiap kotak hotmail hanya boleh memuatkan sehingga 2000K. Selain itu, dengan berbuat demikian dapat dipermudah pemantauan balasan soal selidik dan dengan itu dapat dengan mudah pula mengenal pasti responden yang membalas dan yang tidak membalas. Ini membolehkan keputusan dibuat untuk penghantaran soal selidik seterusnya terutama kepada responden yang tidak menjawab.

JADUAL 1: Penghantaran dan balasan soal selidik melalui hotmail

Kotak e-mail	soal selidik	berpatah balik	balasan
roosfa2@hotmail.com (UKM)	200	19	11
roosfa3@hotmail.com (UKM)	205	17	25
roosfa4@hotmail.com (UM)	350	6	28
roosfa5@hotmail.com (USM)	147	12	22
roosfa6@hotmail.com (UMS)	55	15	-
roosfa7@hotmail.com (UTM)	181	20	25
roosfa9@hotmail.com (UPM)	178	7	20
roosfa10@hotmail.com (UNIMAS)	83	11	8
roosfa8@hotmail.com (UNITEN)	97	6	12
roosfa11@hotmail.com (MMU)	44	6	-
JUMLAH	1540	119	151

Jadual 1 menunjukkan jumlah penghantaran soal selidik mengikut universiti yang berbeza-beza. Hal ini berlaku bukan sahaja kerana tahap kemudahan e-mail yang berbeza-beza di universiti yang berlainan tetapi juga mutu laman web yang berbeza-beza. Laman web universiti yang maju, misalnya UM dan UKM memuatkan sejumlah besar nama dan alamat e-mail ahli akademik. UiTM sebaliknya tidak memuatkan alamat e-mail kakitangan akademik.

Kadar respons adalah agak rendah berdasarkan maklumat yang dibentangkan dalam Jadual 1. Ahli akademik yang menjawab cuma 151 (9.8%) daripada jumlah soal selidik

yang dihantarkan. Sehubungan dengan itu jumlah yang berpatah balik agak tinggi iaitu 119 (7.7%).

Antara faktor yang mendorong berlakunya respons yang rendah ialah ahli akademik yang dikirimkan set soal selidik telah bertukar jabatan, bertukar universiti, berhenti kerja atau bersara. Selain itu mereka yang lain mungkin tidak menggunakan alamat asal dan sebaliknya sudah mempunyai alamat e-mail yang baru.

Jumlah e-mail yang berpatah balik juga berbeza-beza mengikut universiti. Hal ini juga sangat bergantung kepada status prasarana sistem komputer yang dibangunkan di kampus universiti masing-masing. Atau, mungkin sewaktu e-mail dikirim, server sedang bermasalah. Satu hal lagi yang jelas ialah tidak ada balasan e-mail daripada UMS dan MMU, yang diterima ialah e-mail yang berpatah balik.

1.6.3.3 Respons

Respons yang diperolehi berbeza-beza kadarnya mengikut universiti tertentu. Kadar respon tertinggi iaitu yang menjawab adalah daripada USM (14.97 %) dan yang terendah iaitu yang tidak menjawab adalah daripada UMS dan MMU (0%). Yang diterima daripada kedua-dua universiti adalah e-mail yang berpatah balik. Data selengkapnya ditunjukkan dalam Jadual 1.1. Jadual ini menunjukkan seramai 151 (9.8 %) daripada 3000 responden yang dikirimkan soal selidik telah menjawab soal selidik ini.

1.6.4 Temu Bual dengan Respondan Utama

Temu bual telah dilakukan dengan pegawai penerbit UKM, UTM, USM dan UM dan pegawai di PTSI, PPZ, PSZ dan PUM bagi mendapatkan maklumat serta data yang diperlukan bagi kajian ini iaitu maklumat tentang projek mereka dalam memajukan jurnal ilmiah elektronik, status penerbitan, peruntukan kewangan, jumlah tenaga manusia yang terlibat dan bidang kepakaran mereka.

1.7 Organisasi Disertasi

Disertasi ini dibahagikan kepada empat bab. Bab 1 menjelaskan latar belakang masalah kajian; huraian persoalan dan pernyataan penyelidikan; tujuan kajian, definisi dan skop kajian. Bab 2 menjelaskan sorotan karya berkaitan serta korpus yang telah terbina dalam bidang e-jurnal. Huraian ditumpukan kepada membincangkan hubungan antara ahli akademik dengan e-jurnal yang menjadi medium kesarjanaan dan komunikasi ilmiah. Perbincangan juga menyentuh tiga sikap utama di kalangan ahli akademik iaitu menerima, menolak dan sikap berbelah bagi dalam menerima e-jurnal sebagai gejala baru dalam komunikasi ilmiah.

Bab ini juga bincangkan perkembangan e-jurnal ilmiah di seluruh dunia dengan menumpukan perbincangan kepada bentuk e-jurnal ilmiah pada peringkat awal. Bab ini selanjutnya menghuraikan perkembangan dan pertumbuhan e-jurnal ilmiah dari segi jumlahnya daripada yang pertama kepada ribuan judul yang ada pada hari ini serta membincangkan perkembangan bentuknya yang bermula daripada dalam bentuk disket, kemudian berubah ke bentuk CD-ROM dan kini dalam bentuk on-line.

Bab ke-3 membincangkan kedudukan dan sikap ahli akademik di Malaysia terhadap e-jurnal. Di sini juga dilaporkan kedudukan terkini e-jurnal di Malaysia, judulnya, bidangnya, penerbitnya serta jumlahnya dan juga melaporkan projek-projek e-jurnal yang sedang dibangunkan di Malaysia. Seterusnya dilaporkan pecahan e-jurnal ilmiah berbanding yang bukan ilmiah di Malaysia dan membandingkannya dengan status di merata dunia. Selanjutnya bab ini juga membincangkan sikap ahli akademik di Malaysia terhadap e-jurnal serta mengupas sikap ahli akademik terhadap e-jurnal.

Kajian ini diakhiri dengan rumusan terhadap penemuan kajian serta kesimpulan berdasarkan hasil kajian. Ringkasan penemuan dan implikasi kajian akan diperjelaskan. Akhirnya, dikenal pasti bidang penyelidikan lanjutan tentang e-jurnal ilmiah sebagai lanjutan kepada kajian ini.